



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN

KAJIAN TENAGA KERJA 2020

*REPORT OF
THE LABOUR FORCE SURVEY 2020*

Jabatan Perangkaan
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Statistics
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

LAPORAN KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2020

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan **Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2020** yang berasaskan data muktamad dari hasil kajian tersebut. KTK 2020 telah dikendalikan mulai 19 Oktober hingga 15 November 2020. Objektif utama KTK 2020 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.

2. Kajian ini telah meliputi kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih di seluruh negara menggunakan kaedah pensampelan yang sistematik. Data yang diperolehi daripada keluarga tersebut telah disesuaikan melalui proses *extrapolation and calibration* bagi menghasilkan anggaran seluruh penduduk yang tinggal dalam isirumah biasa di Negara Brunei Darussalam. Hasil KTK 2020 menunjukkan terdapat kira-kira 86,500 buah keluarga atau isirumah dan seramai 359,200 orang berumur 15 tahun ke atas.

3. Antara lain intisari yang dimuatkan dalam laporan ini adalah seperti berikut:
 - 3.1 Pada tahun 2020, kadar penyertaan tenaga kerja (*labour force participation rate - LFPR*) telah meningkat kepada 65.2 peratus daripada 64.3 peratus pada tahun 2019;

- 3.2 Jumlah penduduk bekerja pada tahun 2020 adalah seramai 216,900 orang [2019: 221,000 orang]. Pekerja tempatan merupakan bahagian terbesar sebanyak 72.0 peratus (156,200 orang), manakala sebanyak 28.0 peratus (60,700 orang) adalah pekerja asing;
- 3.3 Jumlah penduduk bekerja telah menurun disebabkan bilangan pekerja asing yang berkurangan seramai 13,600 orang daripada 74,300 orang pada tahun 2019 kepada 60,700 orang pada tahun 2020;
- 3.4 Walau bagaimanapun, jumlah penduduk tempatan yang bekerja (*local employed*) telah mencatatkan peningkatan seramai 8,800 orang (2019: 147,400 orang dan 2020: 156,200 orang). Ini adalah selaras dengan data pentadbiran dari pihak Sekretariat *Manpower Planning and Employment Council* (MPEC) yang mana menunjukkan lebih 12,000 orang penduduk tempatan telah mendapat pekerjaan pada tahun 2020. Manakala data caruman pekerja tempatan di Tabung Amanah Pekerja (TAP) mencatatkan lebih daripada 7,000 orang pencarum yang baharu berdaftar;
- 3.5 Ciri-ciri utama dan taburan di kalangan penduduk bekerja pada tahun 2020 adalah seperti berikut:
- i. Sebanyak 90.4 peratus (196,100 orang) merupakan pekerja, manakala mereka yang bekerja sendiri adalah sebanyak 6.2 peratus (13,500 orang);
 - ii. Seramai 70,700 orang (32.6 peratus) bekerja di sektor kerajaan yang termasuk aktiviti pentadbiran awam dan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan seperti pendidikan, kesihatan, elektrik dan air. Sementara itu, seramai 146,200 orang (67.4 peratus) bekerja di sektor swasta;
 - iii. Mengikut jenis pekerjaan, Pekerja Perkhidmatan dan Jualan menyumbang bahagian terbesar dengan 22.8 peratus (49,500 orang);
 - iv. Purata jam biasa bekerja dalam pekerjaan utama menurun kepada 44.4 jam dalam seminggu [2019: 46.8 jam];

- 3.6 Jumlah penduduk yang menganggur pada tahun 2020 adalah kira-kira seramai 17,400 orang [2019: 16,200 orang]. Ini menjadikan kadar pengangguran meningkat kepada 7.4 peratus daripada 6.8 peratus pada tahun 2019. Kenaikan ini adalah disebabkan beberapa faktor seperti sebilangan penduduk yang bekerja pada tahun 2019 telah kehilangan pekerjaan pada tahun 2020; dan sebilangan lagi yang sebelum ini di luar tenaga kerja (*outside labour force*) adalah sekarang aktif di pasaran tenaga kerja tetapi masih mencari pekerjaan.
4. Beberapa soalan tambahan berkaitan COVID-19 telah dimasukkan ke dalam borangtanya KTK 2020, sepetimana saranan pihak *International Labour Organisation* (ILO) yang mana beberapa dapatan antaralainnya adalah seperti berikut:
- 4.1 Kira-kira 28.6 peratus (62,000 orang) daripada kalangan penduduk bekerja telah mengalami perubahan dalam keadaan kerja mereka seperti perubahan dalam jumlah jam bekerja iaitu kurang dari biasa, bertukar tempat atau lokasi bekerja atau bekerja dari rumah (*work from home*);
- 4.2 Jumlah pekerja asing menunjukkan penurunan sebanyak 18.3 peratus (2019: 74,300 orang dan 2020: 60,700 orang) terutamanya di dalam sektor aktiviti penginapan dan perkhidmatan makanan, perdagangan borong dan runcit, dan pembuatan. Ini adalah berikutan sekatan kemasukan warga asing ke Negara Brunei Darussalam semasa pandemik COVID-19, di mana pekerja asing baharu yang dibenarkan untuk masuk ke Negara ini adalah dalam bilangan yang terhad bagi sektor atau pekerjaan tertentu sahaja. Selain itu sebilangan pekerja asing juga telah keluar meninggalkan Negara ini disebabkan tamat kontrak dan sebagainya;
- 4.3 Penurunan jumlah pekerja asing tersebut diimbangi oleh peningkatan pekerja tempatan, khususnya di sektor swasta. Di antara aktiviti ekonomi yang mencatatkan kenaikan pekerja tempatan di antara tahun 2019 dan 2020 adalah aktiviti perdagangan borong dan runcit sebanyak 18.7 peratus (4,200 orang) dan pembuatan 42.2 peratus (1,800 orang); dan

5. JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua keluarga yang terpilih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kajian.
6. Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2020 boleh didapati melalui laman web JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon : 2230250 atau 2230265 (waktu pejabat)
E-mel : info.statistics@jpes.gov.bn
Laman sesawang : www.deps.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

REPORT OF THE LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2020

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), Ministry of Finance and Economy has released the **Report of the Labour Force Survey (LFS) 2020** based on the final data from the survey. LFS 2020 was conducted starting from 19 October to 15 November 2020. The main objective of LFS 2020 is to collect latest information on size, structure, distribution and characteristics of the labour force, employment, unemployment and other economic characteristics of the population, which will be used to assist in the planning, research, policy-making and management concerning the labour force.*
2. *The survey covered about 3,200 selected households throughout the country using systematic sampling method. Data obtained from the selected households were extrapolated according to the sampling weights and then calibrated to represent the total population living in regular households in Brunei Darussalam. Results from LFS 2020 have shown that there was a total of about 86,500 households and 359,200 persons aged 15 years and over.*
3. *Among the main findings included in the report are as follows:*
 - 3.1 *In 2020, the Labour Force Participation Rate (LFPR) increased to 65.2 per cent from 64.3 per cent in 2019;*

- 3.2 *The total number of employed persons in 2020 was 216,900 persons [2019: 221,000 persons]. Local workers accounted for the largest share of 72.0 per cent (156,200 persons), while 28.0 per cent (60,700 persons) were non-local workers;*
- 3.3 *The total employed persons has decreased due to the decline in the number of non-local workers by 13,600 persons from 74,300 persons in 2019 to 60,700 persons in 2020.*
- 3.4 *However, the number of local workers has recorded an increase of 8,800 persons [2019: 147,400 persons and 2020: 156,200 persons]. This is in line with administrative data from the Manpower Planning and Employment Council (MPEC) Secretariat which has shown that there were over 12,000 newly recruited locals in 2020, while data on local employee contributions in the Employees Trust Fund (TAP) recorded more than 7,000 newly registered contributors;*
- 3.5 *The main characteristics and distribution of employed persons in 2020 are as follows:*
- i. *About 90.4 per cent (196,100 persons) were employees, while those who worked as own-account workers accounted for 6.2 per cent (13,500 persons);*
 - ii. *A total of 70,700 persons (32.6 per cent) were employed in the government sector which includes activities of public administration and government services such as education, health, electricity and water services. Meanwhile, around 146,200 persons (67.4 per cent) were employed in the private sector;*
 - iii. *By type of occupation, Service and Sales Workers accounted for the highest share of 22.8 per cent (49,500 persons);*
 - iv. *The average hours worked in the main job decreased to 44.4 hours in a week from 46.8 hours in a week in 2019.*

- 3.6 *The total number of unemployed in 2020 was around 17,400 persons [2019: 16,200 persons]. This resulted in an increase of the unemployment rate to 7.4 per cent from 6.8 per cent in 2019. This was due to several factors such as some who were employed in 2019 have lost their jobs in 2020; and some others who were previously outside the labour force are now active in the labour market but are still looking for work.*
4. A few additional questions related to COVID-19 have been included in the LFS 2020 as recommended by the International Labour Organization (ILO) which are some of the findings among others as follows:
- 4.1 *About 28.6 per cent (62,000 persons) of the total employed population has experienced changes in their working conditions such as changes in the total working hours that is worked less hours than usual, and changes of work place or location or working from home;*
- 4.2 *The number of non-local workers decreased by 18.3 per cent (2019: 74,300 persons and 2020: 60,700 persons) mainly in the accommodation and food service activities, wholesale and retail trade, and manufacturing. This was following restrictions on the entry of non-locals into Brunei Darussalam during the COVID-19 pandemic, whereby new non-local workers were only allowed to enter the country in limited number and for certain sectors or occupations only. Apart from that, a number of non-local workers have left the country due to contract expiration and so on;*
- 4.3 *The decrease in the number of non-local workers was moderated by the increase in the number of locals working in the private sector. Among the economic activities that recorded an increase of local workers between 2019 and 2020 were wholesale and retail trade activities by 18.7 per cent (4,200 persons) and manufacturing 42.2 per cent (1,800 persons); and*

5. *JPES would like to take this opportunity to express our appreciation to the selected households in LFS 2020 for their cooperation throughout the survey period.*
6. *The Report of the Labour Force Survey (LFS) 2020 is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	:	2230250 or 2230265 (working hours)
<i>E-mail</i>	:	info.statistics@jpes.gov.bn
<i>Website</i>	:	www.deps.gov.bn